



## SYARAT DAN PERATURAN ANUGERAH AKADEMIK HARAPAN

### ASAS ANUGERAH

Anugerah Akademik Harapan bertujuan memberi **pengiktirafan kepada ahli akademik muda yang berkemampuan dan berkaliber**. Penerima Anugerah Akademik Harapan ialah seorang ahli **akademik yang beriltizam, terlibat secara menyeluruh dan menyumbang kepada penemuan dan pembangunan ilmu, penajaan kekayaan negara dan memenuhi aspirasi Universiti sebagai jentera pembangunan negara dan dunia ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup manusia sejagat**. Penerima anugerah ini hanya boleh menerima anugerah ini **SEKALI** sahaja.

### SYARAT PERMOHONAN

Berikut merupakan syarat permohonan bagi kategori Anugerah Akademik Harapan ini:

1. Calon mesti berumur **di bawah 38 tahun dan ke bawah pada 1 Januari tahun yang dinilai**.
2. Berkhidmat sebagai ahli akademik di UTeM **sekurang - kurangnya 3 tahun secara kumulatif bermula tarikh pengesahan jawatan**.
3. Menunjukkan kecemerlangan dalam bidang akademik yang diterajui.
4. Menerajui bidang pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan kepimpinan akademik secara **holistik**.
5. Membawa impak secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan
6. Calon yang melalui **proses atau pernah dikenakan tindakan tatatertib tidak boleh** memohon dan pihak Urus Setia perlu membuat semakan dengan Pejabat Undang-undang.
7. Setiap butiran perlu disertakan dengan salinan dokumen sebagai bahan bukti, jika berkaitan.

## 8. Pencalonan terbuka kepada semua ahli akademik tetap

### PROSEDUR PERMOHONAN

1. Permohonan perlu dibuat secara dalam talian melalui Sistem Permohonan AAU di dalam Sistem Maklumat Universiti (i@UTeM) sebelum tarikh tutup permohonan.
2. Mengisi borang AAU08 (1) sebagai borang pemarkahan excel Anugerah Akademik Harapan
3. Borang permohonan yang lengkap (AAU08) berserta dokumen sokongan mesti di sediakan dalam bentuk satu (1) salinan keras (*hardcopy*).
4. Semua borang permohonan mestilah diisi dan disertakan dengan maklumat dan bukti yang sah dan lengkap serta mengikut format yang ditetapkan (di cetak dan di jilidkan. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak.
5. Permohonan hendaklah dihantar ke CAES sebelum tarikh tutup permohonan.

### KRITERIA PENILAIAN

Kriteria penilaian bagi anugerah in merangkumi aspek-aspek berikut:

- i. Pengajaran dan Penyeliaan (30%)
- ii. Penemuan Ilmu (Penyelidikan dan Penerbitan) (30%)
- iii. Sanjungan dan Kepimpinan Akademik (20%)
- iv. Perundingan dan Jaringan Industri (10%)
- v. Khidmat Kepada Universiti dan Masyarakat (10%)
- vi. Bonus (5%)

### PROSEDUR PENILAIAN

1. Penilaian akan dibuat dalam DUA (2) Peringkat iaitu:
  - i. Penilaian Pertama : Penilaian oleh Panel Penilai Peringkat Fakulti (PPPF).
  - ii. Penilaian Kedua : Penilaian oleh Panel Penilai Teknikal (PPT).
2. Hanya permohonan yang melepasi titik ambang penilaian PPPF sahaja akan dimajukan kepada penilaian PPT.
3. Permohonan yang melepasi titik ambang PPT akan dimajukan ke Mesyuarat Panel Penilai Universiti bagi penentuan akhir penerima anugerah dan saguhati.

## **NILAI ANUGERAH**

Nilai Anugerah Akademik Harapan adalah **seperti berikut :**

- i. **Penerima Anugerah RM 4,000 (Ringgit Malaysia Empat Ribu Sahaja) beserta sebuah piala dan sijil penghargaan.**
- ii. Sagu hati RM500.00 kepada 2 calon yang memperolehi markah tertinggi.
- iii. Sijil penghargaan kepada semua pencalonan yang memasuki saringan akhir di peringkat Universiti